


AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 17

RUANGAN : ISU

KAEDAH PENYEBARAN KUMAN PENYAKIT BATUK KERING



Jangkitan kes dalam kalangan pelajar sekolah boleh diklasifikasi sebagai jarang berlaku"

**Dr S Subramanian,
Menteri Kesihatan**

GRAFIK BH

TIGA PELAJAR DILAPOR HIDAP BATUK KERING

Kementerian rawat kekang TB merebak

Ibu bapa
disaran buat
saringan
kesan awal
penyakit

Oleh Suhaila Shahrul
Annuar
suhaila.shahrul@bh.com.my

Putrajaya

Kementerian Kesihatan akan memberi rawatan diperlukan kepada tiga pelajar sebuah sekolah menengah di Subang Jaya yang dilaporkan menghidap penyakit tuberkulosis (TB) atau batuk kering.

Menterinya, Datuk Seri Dr S Subramanian, berkata pihaknya juga akan mengambil langkah perlu bagi mengekang penularan

penyakit itu di sekolah berkenaan.

"Sekiranya benar, pihak kementerian akan memberi rawatan sepenuhnya."

"Untuk mengekang penularan penyakit TB, kami sudah berikan suntikan vaksinasi BCG kepada bayi dan seterusnya di sekolah."

Saringan TB

"Pesanan saya kepada ibu bapa, jika anak batuk dan tidak sembuh dalam dua minggu selepas mendapatkan ubat atau rawatan, sebaik-baiknya mereka perlu membuat saringan TB supaya ia dapat dikesan lebih awal."

"Jika semua pihak dan ibu bapa lakukan perkara ini, kita dapat kurangkan penularan penyakit itu," katanya ketika diintervju media di Majlis Ramah Mesra bersama warga Kementerian Kesihatan di sini, semalam.

Beliau ditanya mengenai dakwaan ibu bapa bahawa tiga pe-

lajar sebuah sekolah menengah di Subang Jaya dijangkiti TB, tetapi masih dibenarkan ke sekolah, sekali gus mendedahkan pelajar lain kepada penyakit itu.

Mengulas lanjut, Subramanian menjelaskan, Kementerian Kesihatan sudah menjalankan lebih 300,000 saringan penyakit TB di seluruh negara bagi mengekang penularan penyakit itu.

Katanya, saringan berkenaan mula dilakukan sejak awal tahun ini dengan memberi tumpuan kepada kawasan yang mempunyai risiko tinggi.

"Saringan itu adalah sebagai langkah awal untuk mengesan pesakit TB supaya rawatan awal dapat diberikan dan mengurangkan penularan kepada individu lain."

"Setiap tahun, secara purata 23,000 kes membabitkan penyakit TB dilaporkan dan jangkitan kes dalam kalangan pelajar sekolah boleh diklasifikasi sebagai jarang berlaku," katanya.

Terdahulu ketika berucap pada majlis itu, Subramanian berkata, warga Kementerian Kesihatan perlu menjadi duta dan pemudah cara, selain memberikan mesej dan penerangan terbaik kepada rakyat sekerasnya wujud penularan berita berkenaan kementerian itu yang boleh menimbulkan kegusaran rakyat.

"Sebagai contoh, isu penggunaan semula peralatan perubatan di hospital kerajaan, kita sudah jelaskan ia mengikut piawai antarabangsa, prosedur tertentu sepertisteril terlebih duluan sentiasa mengutamakan keselamatan pesakit."

"Malah konsep itu sudah lama diambil di negara ini, dan tiada kaitan dengan kemampuan kewangan sektor kesihatan."

"Beri penerangan yang jelas dan betul supaya sistem kesihatan kita sentiasa diyakini rakyat, jangan bagi mesej yang salah yang akhirnya akan membuat rakyat takut," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO**MUKA SURAT : 50****RUANGAN : SETEMPAT****Putrajaya**

Lebih 300,000 jalani saringan Tibi

Kementerian Kesihatan (KKM) melakukan lebih 300,000 saringan penyakit tuberkulosis (Tibi) atau batuk kering di seluruh negara bagi mengekang penularan penyakit itu.

Menterinya Datuk Seri Dr S Subramaniam berkata, saringan berkenaan dilakukan sejak awal tahun ini dengan memberi tumpuan kepada kawasan berisiko tinggi.

Katanya, saringan itu adalah sebagai langkah awal untuk mengesan pesakit Tibi supaya rawatan dapat diberikan dan mengurangkan penularan kepada individu lain.

"Setiap tahun, secara purata 23,000 kes membabitkan penyakit

Tibi dilaporkan dan jangkitan kes dalam kalangan pelajar boleh diklasifikasikan sebagai jarang berlaku," katanya selepas Majlis Ramah Mesra Menteri Kesihatan bersama warga kementerian di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas dakwaan tiga pelajar di sebuah sekolah menengah di Subang Jaya, Selangor dijangkiti Tibi.

Berhubung perkara itu, katanya, KKM belum mendapat sebarang laporan mengenainya dan sekiranya benar pihaknya akan memberi rawatan sepenuhnya kepada pelajar terbabit.